



PELAN **ANTI**RASUAH ORGANISASI

ISLAMIC TOURISM CENTRE

2023 - 2027

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI ISLAMIC TOURISM CENTRE 2023 - 2027

ISBN 978-967-26878-3-2

Diterbitkan pada April 2023 oleh:



Islamic Tourism Centre
(Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya)
Tingkat 13, Menara 1, Pintu A
Jalan P5/6, Presint 5
62200 Putrajaya, Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA
Islamic Tourism Centre

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasi untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis daripada Islamic Tourism Centre (ITC) adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PENAFIAN

Pelan Antirasuah ini adalah khusus untuk kegunaan ITC dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. ITC tidak bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung dalam pelan ini.



PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI

ISLAMIC TOURISM CENTRE

2023 - 2027

KANDUNGAN

- 03..... BAB 1
PENGENALAN**
- Amanat Pengerusi ITC
 - Perutusan Mantan Ketua Pengarah ITC
 - Pernyataan Komitmen Pengurusan ITC
 - Ikrar Integriti Korporat
 - Pendahuluan
 - Latar Belakang ITC
 - Tafsiran Rasuah
 - Dasar Integriti & Tabir Urus
 - Isu dan Cabaran
 - Bidang-Bidang yang Berisiko
- 19..... BAB 2
PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS,
INTEGRITI & ANTIRASUAH ITC**
- Kerangka Pelan Antirasuah ITC 2023 - 2027
 - Bidang Keutamaan dan Strategi
 - Analisis Kuadran
 - Keutamaan Strategi: Penekanan 47 Inisiatif
 - Pelan Tindakan
- 45..... BAB 3
MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN
RASUAH**
- Penilaian Risiko Rasuah (CRA)
 - Mekanisme Penyelarasan, Pemantauan & Penilaian
- 49..... BAB 4
KESIMPULAN & HARAPAN MASA HADAPAN**
- Kesimpulan
 - Penghargaan
 - Jawatankuasa Pembangunan OACP ITC



BAB 1

PENGENALAN

Amanat Pengerusi Islamic Tourism Centre



Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Islamic Tourism Centre (ITC) berjaya melancarkan Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027.

Pelan Antirasuah ITC bagi tahun 2023-2027 ini merupakan perancangan pemantapan integriti yang bersepadu, komprehensif dan holistik bagi ITC sebagai agensi peneraju pembangunan Pelancongan Islam di Malaysia. Segala perancangan dan strategi yang telah diatur dan direncana diharapkan dapat meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama warga ITC dalam mendukung usaha pemantapan tadbir urus, integriti, serta antirasuah.

Besar harapan saya agar pelan ini akan menjadi rujukan dan panduan bagi warga kerja ITC dalam memastikan budaya kerja yang berasaskan integriti dan antirasuah demi mengekalkan kesejahteraan negara. Semoga dengan wujudnya pelan ini akan mempermudah pencapaian visi dan misi serta mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan di ITC.

Saya juga berharap semua pegawai dan kakitangan ITC akan memberikan sepenuh komitmen bagi memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027 ini akan tercapai. Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Saraya binti Arbi
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

Perutusan Mantan Ketua Pengarah Islamic Tourism Centre

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T atas nikmatnya, terlahirlah Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027.

Integriti, ketelusan dan kepercayaan adalah antara teras yang diutamakan Islamic Tourism Centre (ITC) dalam menerajui Malaysia sebagai destinasi Mesra-Muslim yang unggul. Malah, ketiga-tiga perkara ini adalah tiga dari sepuluh Prinsip-prinsip Panduan Asas syarikat yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Strategik ITC yang dihasilkan untuk mengatur langkah syarikat ini bagi mengekalkan nama baik negara di dalam sektor Pelancongan Islam yang semakin mendapat perhatian dunia ini melalui tadbir urus penuh amanah.

Seiring dengan perkembangan sektor ini, rangkaian pengamal industri juga dilihat kian berkembang di peringkat nasional dan antarabangsa. Oleh itu, saya yakin dengan amalan “kepimpinan melalui teladan” ITC mampu menjamin kepercayaan penggiat industri dengan memupuk tata kelola kerja yang bebas dari penyelewengan dan ketirisan.

Amalan ini jua seiring dengan konsep Mesra-Muslim yang diperjuangkan ITC. Dari peringkat syarikat, diharapkan ketegasan ini menjadi ikutan seluruh industri secara progresif. Sehubungan itu, syarikat ini mengambil langkah untuk menggubal pelan antirasuah yang teguh, teratur dan jelas untuk diterapkan di dalam kakitangan ITC sendiri.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga ITC yang terlibat dalam pembangunan dan penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027 ini.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Mohmed Razip Haji Hasan
Mantan Ketua Pengarah Islamic Tourism Centre (ITC)

Pernyataan Komitmen Pengurusan ITC

Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027 ini diwujudkan selaras dengan inisiatif yang terkandung dalam objektif strategik Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang mewajibkan sektor awam, Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) dan Syarikat Terhad dengan Jaminan (CLBG) untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) masing-masing.

Justeru, Islamic Tourism Centre (ITC) dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) telah membangunkan pelan ini sebagai usaha bagi menyahut aspirasi negara agar Malaysia dikenali dengan integritinya. Setiap pelan tindakan dan inisiatif ini terhasil daripada perbincangan dan beberapa siri bengkel yang diadakan bersama Ahli Jawatankuasa OACP ITC.

Bagi merealisasikan matlamat Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027, pengurusan tertinggi serta warga kerja ITC bertekad dan berazam untuk membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan berpandukan undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa bagi melahirkan warga kerja ITC yang bebas dari rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan dalam mengerjakan amanah.

Inshaallah, Pelan Antirasuah Organisasi Islamic Tourism Centre 2023-2027 ini dapat dijadikan sebagai panduan yang bermanfaat buat seluruh warga ITC dan pelan tindakan yang ditetapkan dapat dilaksanakan dengan jayanya supaya ITC terus maju menuju ke arah kecemerlangan.

IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Bahawasanya kami, seluruh warga kerja Islamic Tourism Centre berikrar:-

- ◆ Tidak akan sama ada secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang atau Kanun Keseksaan;
- ◆ Tidak akan menjalankan apa-apa amalan perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;
- ◆ Akan bersama-sama dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah;
- ◆ Akan mendukung Prinsip Antirasuah Bagi Syarikat-Syarikat di Malaysia dalam menjalankan perniagaan dan interaksi dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, dan agensi Kerajaan; dan
- ◆ Akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan yang boleh menggugat integriti serta menjatuhkan imej organisasi / syarikat.

PENDAHULUAN

Pada 29 Januari 2019, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dilancarkan oleh kerajaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad yang merupakan Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Matlamat utama penubuhan pelan tersebut adalah untuk memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan disamping merealisasikan Aspirasi Nasional “Malaysia dikenali kerana integritinya dan bukan kerana rasuahnya”. Justeru, setiap pemegang taruh dikehendaki bersama-sama dalam membasmi gejala rasuah dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) berdasarkan fungsi dan peranan organisasi masing-masing.

Semua sektor awam, Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad dengan Jaminan serta sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia diwajibkan untuk membangunkan OACP. NACP 2019-2023 juga menggariskan berkenaan keperluan pembangunan OACP di peringkat Jabatan/ Kementerian yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Berdasarkan NACP, OACP hendaklah dirangka dengan mengambil kira Pelan Antirasuah bagi jangka masa 3 atau 5 tahun pelaksanaan.

Susulan itu, ITC telah memulakan perancangan pelaksanaan OACP dengan membuat kajian dan penilaian awal risiko-risiko rasuah meliputi semua bahagian dan unit di ITC. Dalam hal ini, OACP ITC akan dilaksanakan dalam tempoh masa 5 tahun iaitu dari tahun 2023-2027. Ruang lingkup pelaksanaan OACP ITC merangkumi semua aspek berkaitan antirasuah, integriti dan tadbir urus yang melibatkan semua bidang dan aktiviti yang terdapat dalam organisasi ini.

LATAR BELAKANG ITC

Islamic Tourism Centre (ITC) merupakan sebuah agensi bertaraf Syarikat Terhad dengan Jaminan (Company Limited By Guarantee - CLBG) ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia yang diamanahkan untuk membangunkan segmen Pelancongan Islam di Malaysia.

Sejak penubuhannya, ITC mendukung pembangunan **Pelancongan Islam** serta **penjenamaan Pelancongan & Hospitaliti Mesra-Muslim** (*Muslim-Friendly Tourism & Hospitality – MFTH*) melalui perkhidmatan yang ditawarkan seperti penyelidikan dan maklumat risikan pasaran, konsultasi pembangunan industri, piawaian dan pensijilan perkhidmatan Pelancongan dan Hospitaliti Mesra-Muslim, serta perkongsian maklumat.

◆ FUNGSI DAN PERANAN ITC



◆ VISI DAN MISI ITC



TAFSIRAN RASUAH

- Rasuah tidak terhad kepada pemberian atau penerimaan sesuatu bentuk suapan semata-mata tetapi turut merangkumi penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan pemalsuan.
- Melakukan sesuatu tindakan walhal mengetahui bahawa perbuatan yang dilakukan itu adalah salah, dan dilakukan dengan perasaan serta niat yang jahat.
- Sengaja melakukan sesuatu tindakan yang ditegah oleh undang-undang.
-perundangan-
- Apa-apa perbuatan oleh mana-mana Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri atau mana-mana pegawai awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan awamnya untuk faedah kewangannya atau untuk apa-apa faedahnya yang lain.
-Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Dharurat, 1970 di bawah syeksyen 2(2)-

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn 'Amr R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

“Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

Riwayat Abu Daud (3580), al-Tirmizi (1337) dan Ibn Majah (2313)

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Dalam agenda pencegahan rasuah di Malaysia, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan 1.0 (GTP 1.0) 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2012, dan yang terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

◆ Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004

Pelan Integriti Nasional (PIN) ini dilancarkan pada 23 April 2004 bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat majmuk yang kukuh ciri-ciri moral dan kaya dengan etika serta berintegriti selaras dengan matlamat Wawasan 2020.

◆ Pelan Transformasi Kerajaan 1.0

Pelan Transformasi Kerajaan 1.0 (GTP 1.0) diumumkan pada 2010 telah memperkenalkan Inisiatif Membanteras Rasuah sebagai antara tonggak utama di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Inisiatif ini bertujuan untuk menangani rasuah bermula daripada peringkat paling atas hingga peringkat yang paling bawah.

◆ Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0)

Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) telah dilancarkan pada 2012 sebagai mekanisme untuk memperkukuhkan lagi beberapa inisiatif yang telah diperkenalkan di bawah GTP 1.0 dengan penambahbaikan program secara terperinci.

◆ Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah dilancarkan secara rasmi pada 29 Januari 2019 bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dengan matlamat untuk mewujudkan negara bebas rasuah serta mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti tinggi.

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5 dan 6.2.1, sektor awam, Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan, Syarikat Terhad Dengan Jaminan dan sektor swasta yang dikawal selia diwajibkan untuk membangunkan OACP.

Di samping mempersiapkan organisasi komersial supaya mempunyai tatacara mencukupi selaras dengan peruntukan seksyen 17A SPRM 2009, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) mempunyai pelbagai kebaikan. Antaranya;

- i. Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam serta keberkesanannya.
- ii. Membantu organisasi dan pemegang taruh dalam pembangunan OACP bagi mengenalpasti isu integriti, governans dan antirasuah.
- iii. Memerangi rasuah dari peringkat akar umbi selaras dengan dasar yang diperkenalkan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP).
- iv. Menyediakan satu platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan kewujudan mekanisma pelaporan kepada pengurusan tertinggi organisasi secara berkala.
- v. Mempamerkan komitmen pengurusan tertinggi organisasi dalam usaha membanteras jenayah rasuah.

PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ITC 2023-2027

Islamic Tourism Centre (ITC) dengan Kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai pakar perunding yang dilantik telah melalui beberapa proses utama untuk membangunkan OACP. Bagi penyediaan dokumen OACP ini, pihak ITC telah menganjurkan Bengkel Pembangunan OACP yang dihadiri oleh pegawai-pegawai yang dilantik sebagai Jawatankuasa Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) ITC. Ahli jawatankuasa ini terdiri daripada semua bahagian dan unit di ITC bagi memastikan komitmen dan kesungguhan seluruh warga ITC dalam membasmi rasuah.

Dalam usaha untuk menjayakan Pelan Antirasuah ITC 2023-2027 ini, beberapa siri taklimat dan bengkel telah diadakan seperti berikut:

- i. Taklimat Pelan Penilaian Risiko Rasuah (CRA) dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) diadakan pada 7 November 2022, bermula jam 9.00 pagi sehingga jam 1.00 petang secara dalam talian bersama pihak IIM.
- ii. Bengkel Pelan Pembangunan Antirasuah Organisasi (OACP) ITC yang berlangsung pada 11 hingga 14 November 2022 di Sunway CLIO Hotel secara fizikal. Agenda yang terkandung dalam bengkel ini termasuklah;
 - Sesi 1 : Melengkapkan jadual kenalpasti risiko dan penentuan bidang keutamaan.
 - Sesi 2 : Melengkapkan jadual daftar risiko (*risk register*)
 - Sesi 3 : *Mapping and Scoping* risiko berdasarkan bidang keutamaan.
 - Sesi 4 : Menentukan inisiatif, agensi pelaksana, tempoh masa dan kuadran.
 - Sesi 5 : Menderaf strategi dan objektif strategi
 - Sesi 6 : Perbentangan hasil perbincangan
- iii. Bengkel Pemurnian Penilaian Risiko Rasuah, Analisis Data dan Pelan Tindakan bagi Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi diadakan pada 22 dan 23 November 2022 di Islamic Tourism Centre (ITC) secara dalam talian bersama pihak IIM.

ISU DAN CABARAN

Menurut Laporan Indeks Persepsi Rasuah yang diumumkan oleh *Presiden Transparency International Malaysia* pada 25 Januari 2022, Malaysia dikejutkan dengan keputusan skor yang lebih rendah berbanding skor yang dicapai pada 2020. Malaysia telah mendapat skor sebanyak 48 dan berada pada kedudukan 62 daripada 180 negara yang terlibat. Pada tahun 2020, Malaysia menerima skor sebanyak 51 poin dan berada di tangga 57.

Kemerosotan kedudukan ini telah merisaukan pelbagai pihak lebih-lebih lagi apabila dibandingkan dengan pencapaian Malaysia pada tahun 2019. Pada tahun tersebut, Malaysia telah mencapai kenaikan skor CPI yang tertinggi iaitu 53 poin dan meraih kedudukan ke 51. Hal ini amat mengecewakan kerana Malaysia telah mengalami corak penurunan skor selama dua tahun berturut-turut.

TAHUN	SKOR	KEDUDUKAN
2019	53	51
2020	51	57
2021	48	62

Justeru, ITC terpenggil untuk mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan usaha untuk memerangi gejala rasuah dan memastikan tadbir urus organisasi ini diuruskan dengan telus dan berintegriti khususnya dalam berperanan menjadi penggerak utama kemajuan pelancongan Islam di Malaysia.

DATA KELAKUAN ITC

BIL.	SUMBER MAKLUMAT	JUMLAH KES YANG DILAPORKAN	KES (√)			PENARAFAN KES
			RASUAH	INTEGRITI	GOVERNANS	(RENDAH / SEDERHANA/ TINGGI)
1.	SPRM	-	-	-	-	-
2	TATATERTIB	-	-	-	-	-
3.	AUDIT DALAM	-	-	-	-	-
4.	DATA ADUAN	-	-	-	-	-
5.	SOAL SELIDIK	-	-	-	-	-
6.	PERBINCANGAN	-	-	-	-	-

Berdasarkan data kelakuan ITC, tiada sebarang salah laku berat yang direkodkan sepanjang ITC ditubuhkan. Oleh itu, rekod ini harus diteruskan bagi memastikan kakitangan ITC sentiasa bebas dari gejala rasuah yang akan mencemarkan nama baik syarikat ini.

PUNCA RISIKO RASUAH

Secara umum, isu rasuah boleh dibahagikan kepada tiga iaitu governans, integriti dan rasuah atau salahguna kuasa dalam menjalankan tugas. Di peringkat ITC, pelbagai data telah dikumpulkan melalui pengurusan risiko rasuah bagi membantu dalam penilaian risiko rasuah bagi tempoh lima tahun akan datang. Menurut rekod daripada pihak SPRM, ITC tidak mempunyai sebarang kes yang pernah dilaporkan. Namun begitu, berdasarkan data, maklumat dan perancangan senario yang telah diperolehi, ITC mengetengahkan enam punca utama berlakunya risiko rasuah, iaitu:

- i. Konflik kepentingan
- ii. Tidak amanah dan berintegriti
- iii. Kelemahan kawalan dokumen dalaman dan ketidakpatuhan peraturan
- iv. Sistem penyampaian perkhidmatan yang lemah
- v. Perintegrasi sistem kawalan dalaman atau sistem perolehan dan kewangan di dalam memerangi rasuah
- vi. Kerenah birokrasi

BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga bidang utama yang terdedah kepada risiko tadbir governans, integriti dan antirasuah di ITC telah dikenal pasti iaitu:

A. Tadbir Urus

Sistem tadbir urus yang baik memastikan ITC menggunakan dana dan peruntukan tahunan yang diserahkan oleh Kerajaan dengan cekap dan menitik beratkan pelbagai aspek dengan mengambil kira kepentingan pelbagai pihak dalam pelaksanaan operasinya. Selain itu, struktur urus tadbir politik yang baik juga bergantung kepada pengurusan yang telus dan berkesan supaya tidak menjejaskan pembangunan organisasi dan kepercayaan pihak luar terhadap ITC.

B. Pentadbiran dan Korporat

Pentadbiran dan Korporat memainkan peranan penting di dalam sesebuah organisasi dalam proses merancang, mengelola, memimpin, mengawal sumber kewangan dan manusia dalam mencapai misi dan visi organisasi. Tadbir urus korporat yang lebih kuat bermaksud pengawasan ketat terhadap peraturan, amalan dan proses syarikat berkenaan operasi, perakaunan dan penyimpanan rekod. Komunikasi korporat merupakan satu proses untuk menterjemahkan atau mengubah sesuatu identiti korporat menjadi imej korporat. Pembentukan identiti, imej dan reputasi di sesebuah organisasi dapat membentuk sebuah organisasi.

C. Pembangunan Pelancongan Islam

ITC telah mendapat kepercayaan daripada pihak kerajaan untuk menguruskan pembangunan pelancongan Islam dengan menawarkan program latihan, pembangunan kapasiti, khidmat nasihat, pengiktirafan serta penganjuran seminar dan persidangan pelancongan Islam dan Mesra Muslim. Justeru, ITC perlulah melaksanakan semua program secara telus dan berintegriti supaya industri pelancongan Islam terus bergerak maju dan mendapat kepercayaan yang teguh daripada pihak penggiat industri pelancongan Malaysia.

KESAN RASUAH


Rasuah adalah risiko yang signifikan terhadap keselamatan negara kerana kesan dan gangguan negatif terhadap persekitaran sosial, pembangunan ekonomi dan imej antarabangsa. Hakikatnya amalan rasuah terus mencerobohi fungsi kerajaan, merosakkan mekanisme pembahagian redistribusi (*redistributive mechanisms*) dan mengehendkan hak perlembagaan rakyat.

Kegiatan rasuah yang tidak terkawal ini juga boleh menyebabkan berlakunya pergolakan sosial/ rusuhan akibat tidak puas hati dengan kerajaan. SPRM sedang melaksanakan empat (4) program pencegahan rasuah bagi membendung masalah rasuah di Malaysia seperti berikut:

- a. Pelan Antirasuah Organisasi
- b. Ikrar Integriti Korporat
- c. Sistem Pengurusan Anti Rasuah
- d. Pengurusan Risiko Rasuah

Berikut adalah kesan rasuah kepada sebuah organisasi jika tiada pencegahan mahupun pelan pencegahan dibuat dan dilaksanakan:

1. Menjejaskan kecekapan pentadbiran syarikat
2. Kestabilan organisasi terjejas
3. Peningkatan jenayah
4. Ketidakadilan sosial
5. Ketirisan kewangan syarikat
6. Mencemarkan imej syarikat dan negara
7. Menjejaskan kualiti pelancongan Islam



BAB 2
**PENGUKUHAN ASPEK
GOVERNANS, INTEGRITI
& ANTIRASUAH ITC**

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ITC 2023 – 2027

Pengurusan tertinggi ITC berazam untuk menggerakkan usaha -usaha bagi membanteras rasuah secara strategik dan mapan untuk tempoh lima tahun akan datang bagi memastikan warga kerja ITC bebas dari sebarang unsur rasuah. Justeru, Kerangka Pelan Antirasuah ITC 2023 – 2027 telah menetapkan perancangan yang berstruktur dan bermatlamat bagi memastikan usaha antirasuah ini dapat direalisasikan selaras dengan aspirasi Pelan Antirasuah Nasional.

Visi	Ke Arah Sebuah Organisasi Berintegriti dan Bebas Rasuah
Misi	Memperkukuhkan Governans, Integriti, Antirasuah dan Meningkatkan Kompetensi Warga ITC dalam Penyampaian Perkhidmatan melalui Pematuhan Terhadap Undang-Undang, Peraturan dan Arahan yang Berkuatkuasa di samping berpegang Teguh dengan Etika Kerja Islam berteraskan Maqasid Syariah
Matlamat	Melestarikan Integriti dan Akauntabiliti ke Arah Penyampaian Perkhidmatan yang Cepak dan Responsif selaras dengan kehendak <i>Stakeholders</i> (terutama kepada Negara dan Industri)
Bidang Keutamaan	<ul style="list-style-type: none">● Tadbir Urus● Pembangunan Pelancongan Islam● Pentadbiran dan Korporat
Strategi	<ul style="list-style-type: none">● Memperkukuhkan Dasar & Tadbir Urus ITC● Memperkukuhkan dan Melestarikan Perkembangan Pembangunan Pelancongan Islam● Mempertingkatkan Kecekapan Pengurusan & Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Organisasi

BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI

BIDANG KEUTAMAAN

STRATEGI

OBJEKTIF STRATEGI

*Tadbir
Urus*

STRATEGI 1
Memperkukuhkan
Dasar & Tadbir Urus
ITC

- Mengamalkan integriti dalam pengurusan organisasi
- Memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan organisasi
- Mewujudkan & menambahbaik peraturan dan tatacara (SOP) di ITC

*Pembangunan
Pelancongan
Islam*

STRATEGI 2
Memperkukuhkan &
Melestarikan Perkembangan
Pembangunan Pelancongan
Islam

- Menambahbaik struktur program-program yang dijalankan

*Pentadbiran
& Korporat*

STRATEGI 3
Mempertingkatkan
Kecekapan Pengurusan &
Keberkesanan Penyampaian
Perkhidmatan Organisasi

- Memantapkan sistem kewangan & pentadbiran ITC
- Meningkatkan keberkesanan sistem komunikasi dalaman dan luaran

ANALISIS KUADRAN

Analisis kuadran di bawah menggambarkan keutamaan bagi 44 inisiatif yang telah dikenal pasti berdasarkan punca-punca rasuah. Inisiatif-inisiatif ini kemudiannya ditentukan analisis tahap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. 34 inisiatif telah diklasifikasikan sebagai kuadran A iaitu inisiatif yang memberi impak yang tinggi namun kompleksiti pelaksanaannya rendah. Inisiatif tersebut memerlukan sedikit usaha dalam pelaksanaannya tetapi impak daripada perkara tersebut dapat memberi kesan yang besar kepada tadbir urus organisasi.


10 inisiatif keutamaan yang lain terletak di bawah kuadran B dimana kompleksiti dan impak daripada pelaksanaannya adalah tinggi. Inisiatif di bawah kuadran ini memerlukan usaha yang lebih gigih untuk dicapai. Ringkasan analisis kuadran berkenaan adalah seperti berikut:

Kuadran A : Berimpak tinggi, kompleksiti rendah

Kuadran B : Berimpak tinggi, kompleksiti tinggi

Kuadran C : Berimpak rendah, kompleksiti rendah

Kuadran D : Berimpak rendah, kompleksiti tinggi



Kompleksiti : Kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif

Impak : Kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif

Nota: Senarai nombor pada jadual impak dan kompleksiti adalah berdasarkan senarai 44 Inisiatif ITC

KEUTAMAAN STRATEGI : PENEKANAN 44 INISIATIF

STRATEGI 1 Memperkukuhkan Dasar & Tadbir Urus ITC

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	Mewujudkan polisi <i>whistleblowing</i>	A	STRATEGI 1
2.	Mewujudkan polisi prosedur aduan dalaman	A	STRATEGI 1
3.	Mewujudkan Unit Integriti dan Governans	B	STRATEGI 1
4.	Melaksanakan penstrukturan semula organisasi Islamic Tourism Centre (ITC)	B	STRATEGI 1
5.	Memperkasakan SOP sedia ada (Manual Pejabat)	A	STRATEGI 1
6.	Menambak prosedur pelantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah ITC dengan memastikan pematuhan kepada kriteria pelantikan	B	STRATEGI 1
7.	Memperkukuhkan mekanisme pemantauan terhadap proses pelantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah ITC	A	STRATEGI 1
8.	Mewujudkan SOP penggunaan media sosial rasmi ITC	A	STRATEGI 1
9.	Mewujudkan SOP tugas yang berkaitan teks ucapan	A	STRATEGI 1

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
10.	Mewujudkan SOP penulisan (ucapan/kenyataan akhbar)	A	STRATEGI 1
11.	Mewujudkan polisi yang menghalang campur tangan pihak luar	B	STRATEGI 1
12.	Mewujudkan SOP keselamatan siber, ICT dan bahan digital	A	STRATEGI 1
13.	Mewujudkan SOP keselamatan siber dan bahan digital	A	STRATEGI 1
14.	Mewujudkan SOP pemantauan media	A	STRATEGI 1
15.	Membangunkan polisi prosedur kerja penyimpanan data dan maklumat syarikat	A	STRATEGI 1
16.	Mewujudkan SOP pengurusan maklumat Unit Komunikasi Korporat	A	STRATEGI 1
17.	Melaksanakan ikrar bebas rasuah & integriti untuk Ahli Lembaga Pemegang Amanah ITC	A	STRATEGI 1

STRATEGI 2

Memperkukuhkan Dan Melestarikan Perkembangan Pembangunan Pelancongan Islam

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
18.	Menyemak semula dan memperkukuhkan garis panduan Geran Penyelidikan Pelancongan Islam (<i>Islamic Tourism Research Grant - ITRG</i>) dengan memasukkan mekanisme pemantauan	A	STRATEGI 2
19.	Menyemak semula kandungan Manual Prosedur <i>Muslim Friendly Tourism Products, Hospitality and Packages</i> (MFTProHPack) dan pemurnian perlu dilakukan	A	STRATEGI 2
20.	Mewujudkan dan menguatkuasa carta alir kerja dan garis masa (<i>timeline</i>) bagi pemurnian Manual Prosedur MFTProHPack	A	STRATEGI 2
21.	Memastikan pemantauan proses pemurnian Manual Prosedur MFTProHPack (Penguatkuasaan)	A	STRATEGI 2
22.	Memastikan Manual Prosedur MFTProHPack perlu diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah ITC	B	STRATEGI 2
23.	Menyemak semula dan memperketat kriteria pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa Penilai Kajian	A	STRATEGI 2
24.	Menyemak semula dan memperkukuh garis panduan pemilihan peserta dengan memasukkan mekanisme timbang tara	A	STRATEGI 2

STRATEGI 3

Mempertingkatkan Kecekapan Pengurusan & Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Organisasi

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
